

BAB 10

TEKNIK INVENTORI HUTAN

Noor Janatun Naim Jemali dan Nur Kyariatul Syafinie Abdul Majid

PENGENALAN

Hutan hujan tropika di Malaysia mempunyai ekosistem yang unik dan kompleks. Terdapat banyak informasi yang terkandung dalam khazanah negara ini terutama berkenaan kepelbagaian biodiversiti flora dan fauna, kepadatan hutan, lapisan silara, nilai ekonomi dan pembangunan hutan dirian sebelum dan selepas pengusahasilan hutan. Kajian berkaitan pengurusan hutan haruslah dijalankan untuk memperolehi maklumat penting tersebut. Bagi mendapatkan informasi kandungan hutan, beberapa teknik inventori telah digariskan. Antaranya, teknik yang biasa digunakan bagi mengetahui kandungan hutan bagi sesuatu kawasan adalah teknik inventori hutan sebelum dan selepas tebangan atau lebih dikenali dengan *Pre-F (Pre-Felling) and Post-F (Post-Felling)*. Teknik inventori hutan ini diguna pakai oleh Jabatan Perhutanan untuk mendapatkan maklumat terperinci berkenaan dirian kawasan hutan. Ini membolehkan pihak Jabatan Perhutanan menguruskan kawasan hutan dengan lebih cekap dan lestari.

TUJUAN PERSAMPELAN

Inventori hutan dijalankan terhadap sesuatu kawasan adalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan terbaharu berkaitan keadaan dirian hutan bagi merumus had batas tebangan (HBT) yang optimum. Di samping itu, ia memudahkan urusan merancang dan mengurus usaha hasil hutan secara teratur, sempurna dan berkesan supaya faedah yang maksimum diperolehi secara berkekalan. Daripada perspektif perhutanan, inventori hutan sebelum tebangan (*Pre-F*) akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun sebelum pengusahasilan dijalankan dan apabila kerja penandaan sempadan siap disediakan. Antara objektif menjalankan inventori adalah untuk: